



08 FEB, 2024

Pejabat baharu kastam di ASB siap

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Pejabat baharu kastam di ASB siap

LABUAN: Pembukaan pejabat baharu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di kawasan logistik Asian Supply Base Sdn Bhd (ASB) di sini, dijangka dapat meningkatkan lagi operasi jabatan dalam mengawal aktiviti barangan luar pesisir.

Pembangunan pejabat setingkat pelbagai guna yang khusus bagi aktiviti berkaitan minyak dan gas (O&G) itu direalisasikan menerusi pelaburan RM270,000 oleh ASB.

Dalam kenyataannya, ASB berkata projek itu telah dimulakan pada 2022 dan siap pada 31 Disember 2023.

Pegawai JKDM sebelum ini ditempatkan di pangkalan operasi ASB bagi menjalankan pemeriksaan dalam kawasan premis berkenaan.

Majlis penyerahan pejabat baharu secara rasmi itu telah dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ASB Japar Estaban kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Sabah) Datuk Mohd Nasir Deraman.

"Pejabat baharu ini akan membolehkan pihak kastam melakukan kawalan ke atas barangan dan peralatan bagi aktiviti luar pesisir.

"Kami bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan kondusif kepada pihak berkuasa tempatan yang dapat membantu kelancaran operasi di pangkalan ini," kata Japar.

ASB menempatkan lebih 80 syarikat multinasional dan tempatan berkaitan O&G dalam pangkalan itu, termasuk 20 yang merupakan Kontraktor Pengaturan Petroleum (PAC).

Beliau juga menyifatkan pejabat baharu itu sebagai penting dalam memastikan prosedur kastam yang cekap dan dipertingkatkan untuk keperluan pelbagai syarikat yang beroperasi dalam ASB, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan dan kejayaan keseluruhan industri di luar pesisir di wilayah berkenaan.

— Bernama



08 FEB, 2024

Pejabat baharu kastam di ASB siap

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

LABUAN: Pembukaan pejabat baharu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di kawasan logistik Asian Supply Base Sdn Bhd (ASB) di sini, dijangka dapat meningkatkan lagi operasi jabatan dalam mengawal aktiviti barangan luar pesisir. Pembangunan pejabat setingkat pelbagai guna yang khusus bagi aktiviti berkaitan minyak dan gas (O&G) itu direalisasikan menerusi pelaburan RM270,000 oleh ASB. Dalam kenyataannya, ASB berkata projek itu telah dimulakan pada 2022 dan siap pada 31 Disember 2023.